

# Pelan persaraan XYZ

B/A 2/10/2011 MS 14 (A)

Oleh Nadia Hamid

nnadia@bharian.com.my

**U**SIA persaraan mandatori kembali menjadi tumpuan selepas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Azlan Zainol, baru-baru ini menyarankan kerajaan menilai semula umur persaraan kakitangan swasta supaya dinaikkan antara 58 dan 60 tahun.

Alasannya-bagimenangani isu cepat bersara serta jumlah simpanan pencen yang rendah. Ini berikutan, kekurangan simpanan persaraan meningkat dua kali ganda apabila pengagihan tabung yang sebenar menunjukkan 73 peratus daripada pencari mempunyai kurang daripada RM50,000 simpanan dan hanya 17 peratus mempunyai RM100,000 pada masa

persaraan mereka.

Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), perbelanjaan perubatan hari tua dijangka meningkat dengan ketara dalam tahun akan datang manakala perbelanjaan kesihatan negara kita pada 2007 meningkat daripada RM9.8 bilion kepada RM12.2 bilion (2010) manakala perbelanjaan kesihatan Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM13.2 bilion.

Mengulas senario ini, Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Prof Zaid Ahmad, menegaskan peningkatan jangka hayat disebabkan penambahbaikan dalam bidang perubatan, gaya hidup, pengembangan industri suplemen makanan tambahan, dan psikologi pemikiran individu.

Katanya, umur manusia boleh diukur melalui dua cara iaitu umur kronologi

diukur mengikut tarikh lahir dan umur biologi berdasarkan tahap kesihatan dan keupayaan semasa individu.

“Usia biologi lebih penting kerana ia mengesahkan tahap aktif seseorang. Dulu umur 50 dianggap tua tetapi dengan peningkatan tahap ekonomi dan tahap kesihatan, kini umur tua diberi penetapan baru iaitu melebihi 60 tahun di negara membangun dan 65 tahun di negara maju.

“Jadi umur bersara (55 atau 58 tahun) tidak boleh dianggap tua kerana mereka dikategorikan sebagai kumpulan masih produktif dan mampu memberi sumbangan terutama individu bekerja profesional,” katanya.

Jika dulu, generasi X (lahir pada pertengahan 1960-an) atau generasi sebelumnya menjangkakan

tempoh kekal produktif hanya sehingga usia 55 tahun namun, sebaliknya generasi Y (lahir pada pertengahan 1970-an sehingga pertengahan 1990-an), mahupun generasi Z (lahir pada zaman internet).

Walaupun kerajaan dapat meningkatkan usia persaraan di dalam sektor awam, suasana dan persekitaran pekerjaan di dalam sektor swasta amat berbeza, termasuk dari segi pendapatan dan persaingan. Kebaikan dan keburukannya perlu dilihat dari pelbagai sudut agar sebarang keputusan yang dibuat nanti akan menguntungkan semua pihak dalam jangka panjang.



## SISTEM SARAAAN BARU

● Sistem Saraan Baru (SSB) dilaksanakan sejak Januari 1992, diguna pakai sebagai sistem penilaian persaraan di sektor perkhidmatan awam Malaysia namun digantikan dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM) bermula 1 November 2002, menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 2002.

## INFO

● Di seluruh dunia dianggarkan 100,000 orang meninggalkan dunia setiap hari atas pelbagai sebab berkaitan umur.

● Warga emas boleh dibahagikan kepada tiga kategori:-

- Muda tua (60 hingga 64 tahun)
- Tua pertengahan (65 hingga 74 tahun)
- Paling tua (75 tahun ke atas)

## HAYAT PENDUDUK MALAYSIA



● Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2009 mendedahkan jangka hayat penduduk Malaysia kini meningkat disebabkan gaya hidup aktif dan kesedaran pentingnya menjaga kesihatan iaitu 75 tahun bagi lelaki dan 78 tahun untuk wanita.

● Sebanyak 45 peratus atau 12.6 juta penduduk Malaysia adalah generasi muda dan cadangan melanjutkan umur persaraan itu akan menyekat peluang kenaikan pangkat serta mengurangkan peluang pekerjaan kerana tiada kekosongan untuk jawatan baru.

## PINDAAN USIA BERSARA WAJIB DI MALAYSIA

● **1991:** Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba menegaskan usia persaraan wajib dikekalkan pada usia 55 tahun.

● **1993:** Kementerian Kesihatan minta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menaikkan had umur persaraan doktor daripada 55 kepada 60 tahun sebagai langkah jangka pendek mengatasi kekurangan doktor di klinik dan hospital kerajaan.

● **1995:** Kementerian Pelajaran akan mengemukakan cadangan melanjutkan umur persaraan wajib bagi pensyarah di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dari 55 kepada 65 tahun untuk dipertimbangkan kerajaan.

● **2001:** Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan umur persaraan wajib daripada 55 tahun dilanjutkan kepada

56 tahun.

● **2007:** Kongres Kesatuan Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam CUEPACS mencadangkan usia persaraan wajib kakitangan awam dilanjutkan daripada 55 tahun kepada 60 tahun, pada 1999.


● **2008:** Mulai 1 Julai 2008, had umur persaraan wajib bagi kakitangan awam dilanjutkan daripada 56 tahun kepada 58 tahun manakala pencen dikira mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun berkuat kuasa 1 Januari 2009.

● **2011:** Datuk Seri Najib Razak menyarankan melanjutkan umur persaraan dari 58 tahun kepada 60 tahun bagi kakitangan awam dan 55 tahun kepada sekurang-kurangnya 60 tahun dan lanjutan 64 tahun (swasta).

## PELAN JANGKAAN BERSARA

Nisbah populasi persaraan 65+ kepada yang berumur antara 20-64

Usia Persaraan penuh



Cukai pendapatan sokongan penduduk dalam kumpulan umur bekerja bersara

Sumber: OECD

© GRAPHIC NEWS

## PELAN PENCEN BAGI 10 EKONOMI TERBESAR DUNIA

BERDASARKAN kajian baru daripada Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan, OECD, yang mengira kekayaan pencen bagi 54 buah negara, mengambil kira perbezaan umur persaraan, jangka hayat, dan pendapatan purata.

Pencen "kekayaan" dikira sebagai gandaan pendapatan purata. Sebagai contoh, purata gandaan di semua negara anggota OECD adalah tujuh orang.

Oleh itu, jika sumber pendapatan purata mengambil kira rumah bernilai RM127,490 setahun, kekayaan pencen bagi warga negara itu, sekali gus, menjadi RM892,855. Negara dengan gandaan lebih tinggi dianggarkan mempunyai pencen kekayaan yang lebih besar.

Faedah pencen berbeza secara meluas di seluruh dunia. Tetapi seperti Amerika Syarikat dan Eropah menganggap langkah-langkah penjimatan fiskal untuk menangani masalah hutang, beberapa program pencen boleh tertakluk kepada perubahan.

**United Kingdom**

**Gaji Purata:** Lelaki - AS\$325,950 (RM1.03 juta); Wanita - AS\$381,300 (RM1.2 juta)  
**Umur Persaraan:** 60 (wanita) ; 65 (lelaki)  
**Jangka Hayat:** 83.2  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada KDNK:** 5.4

**Perancis**

**Gaji Purata:** Lelaki - AS\$444,540 (RM1.4 juta); Wanita - AS\$506,680 (RM1.6 juta)  
**Umur Persaraan:** 60  
**Jangka Hayat:** 84.9  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada**

**KDNK:** 12.5

**Jerman**   
**Gaji Purata:** Lelaki - AS\$465,850 (RM1.5 juta); Wanita - AS\$556,600 (RM1.7 juta)  
**Umur Persaraan:** 65  
**Jangka Hayat:** 83.4  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada KDNK:** 10.7

**Jepun**

**Gaji Purata:** Lelaki - AS\$295,240 (RM939,562); Wanita - AS\$358,160 (RM1.1 juta)  
**Umur Persaraan:** 65  
**Jangka Hayat:** 85.7  
**Peratus perbelanjaan**

**awam pencen daripada KDNK:** 9.8

**China**

**Gaji Purata:** Lelaki - AS\$66,360 (RM211,182); Wanita - AS\$69,720 (RM221,874)  
**Umur Persaraan:** 60 (lelaki), 55 (wanita kolar putih), 50 (wanita kolar biru)  
**Jangka Hayat:** 80.7  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada KDNK:** 2

**Amerika Syarikat**

**Gaji Purata:** Lelaki - AS\$253,890 (RM807,971); Wanita - AS\$290,160 (RM923,396)

**Umur Persaraan:** 65  
**Jangka Hayat:** 83.9  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada KDNK:** 6

**Brazil**

**Gaji Purata:** Lelaki dan wanita - AS\$199,800 (RM635,837)  
**Umur Persaraan:** 65 (lelaki), 60 (wanita)  
**Jangka Hayat:** 82.5  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada KDNK:** 3

**Itali**

**Gaji Purata:** Lelaki - AS\$408,100 (RM1.3 jutai); Wanita - AS\$427,350

(RM1.4 juta)  
**Umur Persaraan:** 65 (lelaki), 60 (wanita)  
**Jangka Hayat:** 84.5  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada KDNK:** 14.1


**Kanada**

**Gaji Purata:** Lelaki - AS\$325,620 (RM1.03); Wanita - AS\$365,820 (RM1.12 juta)  
**Umur Persaraan:** 65  
**Jangka Hayat:** 84.3  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada KDNK:** 4.2

**India**

**Gaji Purata:**

Lelaki - AS\$43,400 (RM138,114);  
Wanita - AS\$45,500 (RM144,797)  
**Umur Persaraan:** 58  
**Jangka Hayat:** 78.7  
**Peratus perbelanjaan awam pencen daripada KDNK:** 0.93



Sumber: www.cnb.com